

11 JUL 2000

Fadzil-Sesat

PAS SEDIA BANTU KERAJAAN BANTERAS KUMPULAN AJARAN SESAT

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Pas bersedia membantu kerajaan bagi membanteras kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang cuba menubuhkan sebuah negara Islam di Malaysia secara kekerasan.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata usaha untuk membanteras kumpulan terbabit hanya akan berjaya sekiranya kerajaan mendapatkan kerjasama daripada semua pihak termasuk Pas.

"Kalau dia (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) hendak membuat satu penyelesaian yang baik, dia harus memanggil pimpinan Pas. Kita bersedia untuk berbincang dan memberikan pandangan," katanya pada sidang media di lobi Parlimen, di sini hari ini.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir semalam bahawa rakyat diingatkan supaya tidak terpengaruh dengan usaha pihak tertentu yang cuba mengeksploitasikan isu penahanan anggota kumpulan Al-Ma'unah, Fadzil berkata Pas tidak akan menggunakan isu Al-Ma'unah untuk kepentingan politik parti.

Ditanya sejauh manakah Pas akan berpegang pada janjinya untuk tidak mempolitikkan isu Al-Ma'unah kerana Pas sebelum ini pernah mempolitikkan isu Memali di Kedah, Fadzil berkata isu Al-Ma'unah adalah berbeza dengan isu Memali.

"Memali mereka tidak menggunakan kekerasan, murid-murid Ibrahim Mahmud tidak menggunakan kekerasan, mereka hanya mempertahankan diri," katanya.

Beliau berkata Pas tidak pernah menyokong mana-mana kumpulan yang menggunakan kekerasan untuk mencapai matlamat mereka.

"Walaupun telah mengalami beberapa kali kekalahan dalam pilihan raya, Pas tetap akan berpegang kepada pendekatan demokrasi dalam mencapai cita-citanya," katanya.

Fadzil berkata Pas akan mengambil tindakan tegas termasuk memecat mana-mana anggotanya yang didapati terbabit dalam kumpulan ajaran sesat.

Ditanya adakah sokongan Pas terhadap usaha membanteras kumpulan Al-Ma'unah bermakna parti itu merestui tindakan kerajaan menahan beberapa anggota kumpulan ajaran sesat itu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Fadzil berkata Pas menentang ISA dan pendirian itu adalah konsisten sepanjang masa.

--BERNAMA

NY zb